

18 NOV 2001

Najib-PBS

PBS PERLU BERI PENGAKUAN SETIA PADA BN, KATA NAJIB

PEKAN, 18 Nov (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) perlu memberi pengakuan akan "terus kekal dalam apa jua keadaan" bersama-sama Barisan Nasional (BN) jika parti itu mahu diterima semula, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya PBS perlu meyakinkan parti-parti komponen BN lain bahawa mereka sudah sedar kesilapan mereka (keluar BN pada 1990) dan akan terus setia dengan BN.

"Secara prinsipnya kita mengalu-alukan mereka menyertai BN," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis sumbangan naskah Al-Quran dan Tafsir kepada 58 buah masjid dan 148 surau kawasan parlimen Pekan, di sini hari ini.

PBS telah mengemukakan permohonan rasmi untuk kembali ke pangkuan BN pada Khamis lepas.

Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan menyampaikan sendiri permohonan berkenaan kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Sementara Dr Mahathir, Jumaat lepas berkata beliau menjangkakan keputusan mengenai permohonan PBS itu akan diketahui sebelum Hari Raya Aidilfitri bulan depan.

Najib berkata: "PBS perlu memberi pengakuan kepada Pengerusi BN dalam keadaan apa jua (bahawa) mereka mesti setia bersama BN.

"Oleh kerana latarbelakang, sejarah PBS (keluar dari BN), jadi yang timbul pertanyaan ialah sama ada PBS akan bersatu sepenuhnya sebagai satu pakatan politik dan tidak berulang lagi (keluar dari BN)," kata Najib.

Dalam perkembangan yang lain, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata Angkatan Tentera Malaysia bersiap-sedia menyertai pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Afghanistan jika diminta berbuat demikian.

"Kita sememangnya bersedia, tidak menjadi masalah..., soal sekarang ialah soal PBB untuk membuat keputusan (sama ada) menghantar pasukan pengaman ke sana?, soalnya bila?, berapa saiznya?, apa mandat yang akan diberikan kepada pasukan pengaman?" kata Najib.

Najib berkata Malaysia akan terus aktif dalam misi pasukan pengaman PBB sepertimana sebelumnya: "Saya percaya tradisi (sertai pasukan pengaman) akan diteruskan dengan diluluskan oleh kabinet," katanya.

-- BERNAMA

MS RON